

Kerajaan tidak peduli tentang di Britain

PEKAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak akan mengambil tindakan undang-undang jika Britain menunaikan janji meneruskan pembiayaan geran kira-kira RM824 juta lagi bagi pembinaan projek Empangan Pergau di Kelantan.

"Buat masa ini, tak payahlah, dia nak bayar. Jika tak bayar, kita tuntutan (di mahkamah)," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau mendedahkan masih ada segelintir pihak di Britain mempertikaikan kewibawaan dan faedah projek Empangan Pergau itu.

"Ada pihak di Britain kata kononnya projek itu tidak menguntungkan. Itu dia punya pendapat. Kita tak peduli pendapat mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan rangkaian pemasangan kereta Proton Tiga Pintu di kilang Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn Bhd (AMM) di sini, semalam.

Beliau turut merasmi-

kan nama kereta terbaru Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) itu sebagai 'Proton Satria'.

Model itu dikeluarkan oleh Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd (USPD), syarikat usaha sama Proton, Diversified Resources Berhad (DRB) dan sebuah syarikat lain, Erat Bakti.

Dr Mahathir mengulas kenyataan Setiausaha Luar Britain, Douglas Hurd yang memberi jaminan Britain akan mendapatkan peruntukan itu seperti dijanjikan kerana kerana mempunyai kepentingan dalam projek berkenaan.

Kerajaan Britain sudah membayar RM122 juta kepada Malaysia daripada keseluruhan geran RM960 juta dan pembayaran seterusnya dijadualkan diberi bulan depan.

Ditanya mengenai pilihan raya umum, Perdana Menteri berkata beliau belum menetapkan tarikh sebenar pilihan raya, biar pun ramai orang kini gemar membuat tekaan mengenainya.

"Ada orang katakan saya hendak adakan esok (hari ini) kerana saya tak mahu hadir sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec)," katanya.

Turut hadir di majlis pelancaran itu Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Timbalan Menteri Besar, Datuk Abdul Jabbar Ibrahim, Pengarah Urusan

Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), Datuk Mohamed Nadzmi Mohamad Salleh dan Pengerusi DRB, Datuk Yahaya Ahmad.